

03 NOV 2001

Wanita-Keganasan

OMBAK DILANCAR DI PERLIS UNTUK TANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

KANGAR, 3 Nov (Bernama) -- Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) dilancarkan di Perlis hari ini bagi memerangi gejala keganasan terhadap wanita yang kian berleluasa.

Pelancaran Ombak, sebuah organisasi di bawah Hal Ehwal Wanita (HAWA), dilancarkan oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dalam ucapannya, Shahidan berkata keganasan terhadap wanita bukan semata-mata berpunca daripada sikap lelaki tetapi kadang kala ia juga berpunca daripada wanita itu sendiri.

Sambil meminta kaum lelaki supaya lebih bertolak ansur, beliau juga mengingatkan wanita mengenai pentingnya mereka menjaga maruah kaum lelaki terutama suami mereka.

"Ada isteri yang suka menengking dan mengeluarkan suara nyaring apabila tidak bersetuju dengan sikap suami dan ia menimbulkan kesan yang tidak baik," katanya.

Menurutnya, kebijaksanaan berunding akan menyelesaikan masalah keganasan terhadap wanita.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perunding HAWA Perlis, Mastika Junaidah Hussin berkata pelancaran ombak membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap gejala keganasan terhadap wanita.

Katanya sempena pelancaran ombak peringkat negeri, HAWA turut menjalankan kempen mendaftar tenaga sukarelawan Ombak bagi membantu menjalankan kegiatannya.

Guru-guru kaunseling dan para siswazah adalah antara kumpulan yang akan dipilih sebagai sukarelawan ombak, katanya.

Ombak dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Julai lepas di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AD LAT